



# Peranan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) Dalam Melaksanakan Hisbah di Negeri Selangor

Abdul Qahhar bin Ibrahim, Abdul Ghafar Hj. Don, Muhamad Faisal Asha'ari

Jabatan Pengajian Dakwah dan kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Email : abdulqahharibrahim@yahoo.com.my; a.g.don@ukm.edu.my;  
faisal@ukm.edu.my

**Abstrak** – Hisbah merupakan salah satu elemen yang wujud dalam amalan pengurusan Islam bagi memenuhi tanggungjawab menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (amar ma'aruf nahi munkar). Ia mempunyai skop yang luas merangkumi aspek ekonomi, sosial dan politik. Dalam pelaksanaan hisbah di Selangor, tumpuan banyak diberikan kepada aspek yang pencegahan maksiat menerusi penubuhan skuad yang dinamakan dengan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA). Oleh itu kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan sebenar PPA dalam melaksanakan hisbah Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) di Negeri Selangor khususnya dari sudut bidangkuasa. Ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen dalam pengumpulan data kajian. Hasil kajian mendapati bahawa konsep hisbah yang dilaksanakan tertumpu kepada aspek kesalahan berhubung dengan kesusaian (pencegahan maksiat), akidah, kesucian agama Islam dan institusinya serta kesalahan pelbagai. PPA juga turut memainkan peranan yang cukup besar dan penting dalam usaha menjalankan tugas amar ma'aruf nahi mungkar di Negeri Selangor demi menjaga kemaslahatan agama dan masyarakat Islam. Jelasnya bidangkuasa PPA dalam menjalankan tugas hisbah tersebut adalah tertakluk kepada apa yang telah termaktub di dalam enakmen-enakmen yang berhubung dengan undang-undang pentadbiran agama Islam Negeri Selangor Darul Ehsan. Kajian ini juga wajar diteruskan dan diperkembangkan lagi pada masa akan datang untuk kepentingan bersama bagi mentransformasikan Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) di Malaysia ke arah yang lebih baik khususnya dalam usaha pelaksanaan hisbah.

**Kata kunci:** Hisbah, Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA), Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI)

## I. Pendahuluan

Pelaksanaan hisbah telah berjalan dan diamalkan sejak zaman awal kegemilangan Islam lagi iaitu bermula pada zaman junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Ia diteruskan ada era Khulafa' al-Rasyidin dan diamalkan oleh pemerintah Islam kerana ia bertitik tolak dari perintah mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (amar ma'aruf nahi munkar). Ruang lingkup pengamalan hisbah itu jelasnya merangkumi aspek dalaman dan luaran samada dalam bidang ekonomi, sosial mahupun politik (Auni Abdullah 2000 & Syaqī Abū Khalil 2010). Manakala di Malaysia terdapat beberapa badan khusus yang dilihat berperanan dalam menjalankan tugas hisbah (pengawasan) antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Majlis Perbandaran Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) (Muhammad Yusuf Khalid 1998; Mahmud Saedon A. Othman. 2003 & Azrin Ibrahim 2014). Walau bagaimana pun setiap agensi terbabit mempunyai peranan dan bidang kuasa yang berbeza sesuai dengan dasar yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi tersebut. Justeru itu, dalam konteks pelaksanaan hisbah Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) di Malaysia ianya berbeza mengikut negeri. Ini adalah kesan dari peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia 2010 berhubung undang-undang pentadbiran Islam yang menjadi urusan masing-masing. Sehingga menimbulkan masalah dari sudut penyelarasannya bersama antara

negeri-negeri berhubung PHEI di Malaysia. Oleh itu artikel ini dijalankan salah satunya adalah bertujuan untuk melihat peranan hisbah PHEI yang cuba dilaksanakan oleh Pegawai Penguatuasa Agama (PPA) dalam usaha melaksanakan konsep hisbah yang berteraskan kepada amalan amar maaf nahi munkar di Negeri Selangor Darul Ehsan.

## II. Konsep Hisbah

Lafaz hisbah berasal daripada kata akar *hasaba* atas wazan *fa‘ala* yang membawa maksud yang pelbagai iaitu menghitung, mengira, menimbang ataupun menilai. Merujuk kepada *Al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsi* (2003) dan *al-Mu‘jam al-Waṣīṭ* (1972) terdapat dua pengertian berhubung hisbah pertamanya membawa erti kira-kira atau hisab dan urus tadbir yang baik. Manakala dari sudut istilah, hisbah menurut al-Ghazalī (1939) al-Mawardī (2006), al-Syairazī (1981), Ibn Bassām (1968), Muhammad ‘Abd al-Qādir Mubārak (1967), Muhammad Yusuf, Muṣṭafa Ahmad & Muhammad Rajab (1988) ‘Omar Hāfiẓ Syarīf (1995) dan Faḍl Ilahī (1999) membawa pengertian menyeru kepada perkara kebaikan apabila nyata ianya ditinggalkan dan menegah daripada perkara kemungkaran apabila terzahir kemungkaran tersebut dalam usaha untuk mendamaikan manusia sesuai dengan kehendak syarak. Firman Allah s.w.t. dalam surah Ali Imran ayat 104 yang bermaksud:

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

*Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada makruf dan mencegah dari yang mungkar, mereka lah orang-orang yang beruntung.*

Malah Rasulullah s.a.w. juga turut bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud:

*Barangsiapa di antara kalian yang melihat akan kemungkaran maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya, sekiranya tidak mampu maka hendaklah dia menggunakan lidahnya sekiranya dia tidak mampu juga maka hendaklah dia menggunakan hatinya. Itulah adalah selemah-lemah iman.*

(al-Muslim, Ṣahīḥ Muslim, Kitab al-Īmān Bāb Bayan Kaun al-Nahyi ‘an al-Munkar min al-Īmān, no. hadis 49, hlm 41).

‘Abd Karīm Zaidān (2011) menyatakan bahwasanya setiap dalil-dali asas kepada pensyiaran hisbah adalah ditunjukkan melalui al-Quran dan as-Sunnah. Maka setiap ayat yang datang dengan membawa kepada kefahaman konsep amalan amar makruf dan nahi mungkar akan diambil kira sebagai dalil-dali bagi pelaksanaan hisbah yang mana ianya berdiri atas dasar menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada sebarang amalan yang berbentuk kemungkaran. Muhammad ‘Abd al-Qādir Mubārak (1967 & 1970), Md. Akhir Yaacob (1996) dan Auni Abdullah (2000 & 2014) menyimpulkan bahawa hisbah itu dilaksanakan oleh pemerintah Islam atau kerajaan melalui penubuhan badan pengawasan hisbah untuk mengawasi kegiatan individu di dalam perkara yang berkaitan dengan akhlak, agama dan ekonomi bagi tujuan mengekalkan keadilan dan kemuliaan sebagaimana yang dianjurkan oleh syariat Islam. Jelasnya hisbah merupakan sebuah badan atau organisasi yang ditubuhkan oleh pemerintah untuk melaksanakan amar maaf dan nahi mungkar dalam setiap aspek kehidupan masyarakat bagi memelihara kepentingan ekonomi, sosial dan politik serta menjamin hak masing-masing demi mewujudkan sebuah kelompok masyarakat yang harmoni dan patuh kepada undang-undang yang telah ditetapkan.

### 2.1. Rukun Hisbah

Berdasarkan dalil hisbah yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah maka ulama telah menyusun beberapa rukun berhubung hisbah yang berpaksikan kepada tanggungjawab melaksanakan amar maaf nahi mungkar. Secara asasnya hisbah itu terdiri daripada empat rukun asas iaitu *Muhtasib*, *Muhtasab fīh*, *Muhtasab ‘alaih* dan *Ihtisāb* (al-Ghazalī 1939; Auni Abdullah 2000; Mardzelah Makhsin 2008 & ‘Abd al-Karīm Zaidān 2011). Keempat-empat rukun ini amat penting bagi memastikan institusi hisbah berjalan mengikut syariat Islam. Rukun yang pertama adalah *muhtasib* (penguatuasa) yang menjalankan tugas-tugas hisbah bagi pihak pemerintah yang melantiknya sebagai muhtasib. *Muhtasib* secara adalah seseorang yang dilantik oleh pemerintah dan diberikan tanggungjawab untuk menjalankan pengawasan (hisbah) bagi merealisasikan konsep amar maaf nahi mungkar.

Perlantikan muhtasib ini sememangnya telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan para khulafa al-Rasyidin (Muhammad Salām Madkūr 1970 & Ramadhan ‘Alī 2003). Al-Mawardī (2006) menjelaskan bahawa peranan muhtasib ini adalah bertujuan untuk memelihara hak-hak individu, masyarakat dan syariat agar ianya dipelihara dan

sentiasa dihormati. Adapun seseorang yang melaksanakan hisbah dengan tanpa taklif daripada pemimpin, maka fuqaha' memanggilnya *mutatawwi'*. Malah para ulama juga turut meletakkan beberapa perbezaan yang wujud diantara *muhtasib* dan *mutatawwi'*. Manakala *muhtasib* *'alaih* adalah mereka yang dikenakan tindakan hisbah di atas setiap perlakuan atau tindakan yang dilihat bertentangan atau menjadi kesalahan serta dianggap sebagai satu perbuatan yang termasuk dalam kategori mungkar.

Manakala *muhtasib fih* merupakan perkara yang menjadi fokus utama dalam proses pelaksanaan hisbah. Ianya terbahagi kepada dua kategori iaitu *al-amr bī al-ma'ruf* (menyuruh kepada kebaikan) dan *al-nahy 'an al-munkar* (menegah perbuatan mungkar). *Muhtasib fih* adalah perkara yang diperiksa atau dihalang oleh penguatkuasaan al-hisbah. Ianya merupakan perkara asas dalam hisbah yang dipanggil dengan *al-muhtasab fih* atau dengan *mā tajrī fih al-hisbah* (sesuatu yang berjalan atasnya hisbah) (<sup>c</sup>Abd al-Karīm Zaidān 2011). *Ihtisāb* merupakan rukun yang keempat dan terakhir yang membawa erti apa-apa tindakan yang diambil terhadap sesiapa yang didapati melakukan perkara yang cenderung kepada kemungkaran atau kesalahan. Tindakan yang dibuat adalah secara berperingkat iaitu daripada satu tindakan yang berbentuk seperti nasihat dan amaran, seterusnya kepada tindakan yang lebih tegas sesuai dengan bidang kuasa yang telah ditetapkan. Ianya bertujuan untuk menjadi peringatan dan panduan kepada setiap golongan dalam masyarakat samada dari pihak atasan hingga ke peringkat yang rendah supaya mematuhi serta tidak melanggar peraturan yang ditetapkan.

Keempat-empat rukun di atas menjadi asas utama kepada proses pelaksanaan hisbah. Pada masa yang sama seseorang muhtasib itu perlu mendapat tauliah sebagai seorang muntasib (penguatkuasa) dalam menjalankan tugas amar ma'ruf nahi mungkar. Inilah yang menjadi pembeza di antara *muhtasib* dan *mutatawwi'* sekalipun pada hakikatnya kedua-duanya itu berperanan dalam melaksanakan amar ma'ruf dan nahi mungkar. Pada masa yang sama pemerintah juga amat berkait rapat dengan perlantikan dan bidang kuasa seseorang muhtasib. Iaitu di mana pihak pemerintah mahu pun kerajaan mempunyai kuasa atau autoriti untuk memperbesarkan lagi atau sebaliknya skop tugas yang diberikan kepada seseorang muhtasib itu sendiri.

## 2.2. Hukum Hisbah

Al-Qurtubi (1967), Ibn Taimiyah (1997) dan al-Mawardi (2006) berpandangan bahawa kewajipan amar ma'ruf dan nahi mungkar itu tidak wajib bagi setiap orang, akan tetapi hukumnya adalah berbentuk fardhu kifayah sebagaimana nas yang wujud di dalam al-Quran. Ibrāhīm Dusūki al-Shahawī (1962) turut menyatakan bahawa para ulama salaf dan khalaf juga turut bersepakat menyatakan akan kewajipan pelaksanaan hisbah yang mana tujuannya adalah untuk mencapai keredhaan Allah Taala. Oleh itu, jika seseorang yang ditugaskan untuk melaksanakan tugas itu tetapi tidak menjalankannya maka berdosa setiap mereka yang mampu untuk melaksanakannya. Namun begitu, <sup>c</sup>Omar Hāfiẓ Syarīf (1995) menjelaskan pelaksanaan hisbah turut menjadi fardhu ain ke atas mereka yang telah ditentukan oleh pihak pemerintah untuk melaksanakan tugas hisbah tersebut bagi memenuhi tuntutan syariah terhadap perintah amar ma'ruf nahi mungkar. Walau bagaimana pun setiap orang Islam mempunyai kewajipan untuk melaksanakan amar ma'ruf nahi mungkar yang menjadi asas utama kepada pelaksanaan hisbah sekadar yang termampu demi memenuhi tanggungjawab bersama dalam sesebuah masyarakat agar dapat mewujudkan sebuah institusi masyarakat yang harmoni dan mengikut landasan syariat agama Islam.

## III. Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) di Negeri Selangor Darul Ehsan

Merujuk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dalam perkara 3, Malaysia merupakan sebuah negara yang menjadikan agama Islam adalah sebagai agama rasmi bagi persekutuan berdasarkan peruntukan perlembagaan persekutuan (Suhaimi Said 1984; Mahmood Zuhdi Abd. Majid 1997 & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi 2007). Walau bagaimana pun, agama-agama lain juga turut boleh diamalkan dalam usaha memupuk budaya toleransi dan harmoni (Suhaimi Said 1984, Mardiana Nordin & Hasnah Hussin 2011). Jelasnya kedudukan agama Islam dalam perlembagaan persekutuan Malaysia merupakan salah satu unsur tradisi yang wujud dalam perlembagaan negara di samping kedudukan Raja-Raja Melayu, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa Orang Melayu (Khairil Azmin Mokhtar 2007 & Mohd Salleh Abas 2010).

Manakala Wu Min Aun (1982) turut menjelaskan bahawa mengikut Perlembagaan Persekutuan juga kuasa mentadbir undang-undang Islam (undang-undang pentadbiran agama Islam) adalah terletak di bawah kuasa negeri-negeri yang menjadi persekutuan. Walau bagaimana pun Perlembagaan Persekutuan juga tidak menetapkan bahawa setiap negeri perlu meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi negeri (Ruzian Markom 2003). Namun begitu negeri yang mempunyai Sultan atau Raja meletakkan dalam perlembagaan negeri masing-masing bahawa agama Islam merupakan agama rasmi negeri, kecuali negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja seperti Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, disebabkan kedudukan agama Islam adalah berada di bawah kuasa sultan atau raja bagi negeri, perlembagaan Malaysia telah menetapkan bahawa undang-undang Islam adalah urusan negeri-negeri. Namun begitu Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007) menyatakan bahawa undang-undang Islam tersebut hendaklah

tidak bertentangan dan melampaui apa-apa yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Berdasarkan Jadual kesembilan, Senarai 2- Senarai Negeri.

Oleh itu, apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan kemudiannya apabila Malaysia ditubuhkan, maka peranan pengurusan Islam mula diberi perhatian. Beberapa peruntukan dalam Perlembagaan pada perkara 12(2) dan Senarai II Jadual Kesembilan telah memberi kekuatan kepada bidang pengurusan Islam secara khusus dan perkembangan Islam secara umum. Pembahagian kuasa yang jelas antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri tentang Islam menyedarkan masing-masing pihak akan tanggungjawab masing-masing terhadap perkembangan Islam di negara ini. Usaha-usaha memperbaiki dan menyempurnakannya terus berjalan dari satu masa ke satu masa dalam berbagai-bagi bidang (Mohd. Shahir Abdullah 2000: 86). Maka tujuan asas penubuhan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) secara umumnya adalah sebagai sebuah badan eksekutif agama yang bertindak mengawal selia urusan hal ehwal agama Islam negeri dan pada masa yang sama juga bertindak sebagai penasihat dan wakil Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor dalam urusan pentadbiran agama Islam selain kehakiman sebagaimana yang terkandung dalam enakmen pentadbiran agama Islam negeri pada Seksyen 6, Bahagian II Majlis Agama Islam Selangor. Manakala dasar MAIS juga adalah jelas untuk memelihara dan membangunkan ekonomi serta sosial umat Islam di Selangor sesuai peruntukan yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003) iaitu:

*Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan Hukum Syarak (Seksyen 7, Bahagian II Majlis Agama Islam Selangor).*

Secara ringkasnya MAIS merupakan pihak berkuasa utama agama Islam di Negeri Selangor dan bertanggungjawab menasihati DYMM Sultan Selangor untuk semua perkara berhubung agama Islam kecuali melibatkan keadilan dan hukum syarak. MAIS turut berperanan menjaga hal ehwal mualaf dan harta baitulmal dan penggubal dasar berkaitan agama Islam. Manakala Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) adalah sebuah agensi pelaksana segala dasar yang diputuskan oleh MAIS dan juga berperanan menegakkan syiar Islam serta menjaga hal ehwal umat Islam di Negeri Selangor seperti nikah cerai, dakwah, pendidikan Islam, pengurusan masjid dan sebagainya (MAIS: 2017).

#### **IV. Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA)**

Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) yang juga turut termasuk dalam kumpulan kerja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah merupakan pihak yang bertanggungjawab menjalankan tugas hisbah yang berteraskan kepada konsep amar ma'ruf nahi munkar yang juga boleh dipanggil sebagai muhtasib dan bukannya sebagai mutatawwi' di mana tugas mereka adalah untuk memastikan masyarakat mematuhi undang-undang yang ditetapkan dan menjamin hak-hak dalam masyarakat yang membabitkan pelbagai aspek dalam kehidupan sama ada dari sudut ekonomi mahu pun sosial sesuai dengan bidang kuasa yang diberikan (Muhammad Yusuf Khalid 1998; Mahmud Saedon A. Othman 2003 & Mohd Nasran Mohamad 2010). Ini kerana pegawai penguatkuasa tersebut dilantik oleh MAIS untuk menguatkuasakan undang-undang syariah negeri. Ini adalah berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003) Seksyen 79, Bahagian V, Pendakwaan dan Perwakilan:

*Majlis boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri atau perkhidmatan bersama seorang Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam.*

Mereka yang dilantik dan diberikan kuasa adalah bertujuan untuk menguatkuasakan undang-undang pentadbiran agama Islam negeri yang merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003) sebagai enakmen induk (utama) dan juga enakmen-enakmen pentadbiran agama Islam yang lain seperti Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Selangor (1995) dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor (2003).

Oleh itu JAIS telah menubuhkan satu bahagian khusus yang bertindak melaksanakan tugas amar ma'ruf nahi munkar tersebut, iaitu melalui penubuhan Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan (BPP) yang bertindak secara khusus dalam usaha pemerkasaan dan penguatkuasaan undang-undang syariah di Selangor di mana objektif utama BPP adalah untuk memacu agenda mencegah kemungkaran melalui pengurusan penguatkuasaan yang mendaulatkan prinsip "haq/batil" dalam perkara berhubung dengan akidah, syariah & akhlak secara berintegriti, professional & efisien (JAIS: 2017). Terdapat beberapa tujuan utama yang ingin dicapai oleh pihak BPP antaranya:

1. Ke arah melaksanakan prinsip amar ma'ruf nahi munkar
2. Ke arah mematuhi keutamaan Pencegahan.
3. Ke arah membendung dan mengekang doktrinisasi, penyelewengan dan dakyah.
4. Ke arah *uniformity* pemikiran dan tindakan

Jelasnya PPA berperanan dalam usaha melaksanakan penguatkuasaan undang-undang syariah negeri dan juga amat berkait rapat dengan gerak kerja hisbah, malah mereka juga turut dipanggil dengan gelaran sebagai “Polis Syariah”.

Tugas mereka sebagai muhtasib (Penguatkuasa) adalah dilihat begitu penting sekali dalam memelihara kepentingan dan kemaslahatan agama Islam dan umatnya. Penguatkuasa agama tersebut hanyalah mempunyai kuasa menjalankan tugas berdasarkan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri dengan berpandukan kepada prosuder yang telah digariskan sebagaimana yang terkandung dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor (2003) dalam menjalankan tugas sebagai penguatkuasa (muhtasib). Mohd Nasran Mohamad (2010), Zaini Nasohah (2010) Mohd Hidayat Abdul Rani (2016) menjelaskan terdapat empat bahagian yang menjadi skop tugas atau bidangkuasa pegawai penguatkuasa agama dalam menguatkuasakan enakmen kesalahan jenayah syariah iaitu:

- a. Kesalahan berkaitan akidah seperti melakukan pemujaan salah, takfir, mendakwa diri sebagai bukan orang Islam untuk mengelakkan tindakan di ambil, menyebarkan ajaran sesat atau doktrin palsu dan membuat dakwaan palsu.
- b. Kesalahan berhubung kesucian agama Islam seperti mempersendakan al-Quran dan Sunnah, memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat, mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa, mengajar agama tanpa tauliah, tidak mendirikan solat jumaat, menghina agama Islam dan apa-apa perbuatan yang boleh dikategorikan dalam kesalahan tersebut, berjudi, meminum minuman yang memabukkan, tidak menghormati Ramadhan menghina pihak berkuasa agama, tidak membayar zakat atau fitrah, mengingkari perintah Mahkamah Syariah dan menjalankan penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum syarak.
- c. Kesalahan berhubung kesusilaan seperti melakukan perbuatan sumbang mahram, berkhawat, melakukan zina, melakukan perbuatan tidak sopan di khalayak ramai, bertindak sebagai orang tengah antara seorang perempuan dengan seorang lelaki bagi apa-apa tujuan yang menyalahi hukum syarak (Muncikari) dan lelaki berlagak seperti perempuan.
- d. Kesalahan pelbagai seperti memujuk lari perempuan bersuami, menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan, menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam, penyalahgunaan tanda halal, melakukan qazaf (tuduhan zina), memungut zakat atau fitrah tanpa kebenaran dari pihak majlis agama.

#### *4.1. Pencapaian Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA)*

Bagi mempermudahkan usaha amar maaf nahi mungkar di negeri Selangor yang dilaksanakan oleh PPA maka Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menujuhkan Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan (BPP) yang ditugaskan untuk mencegah kemungkar dan penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan dengan berhemah, berhikmah, cekap, berani dan telus. Penubuhan BPP ini penting dalam mempertingkatkan peranan dan pencapaian pelaksanaan amar maaf nahi mungkar PPA terhadap masyarakat Islam di Selangor. Untuk memastikan usaha hisbah dapat dijalankan secara efisien oleh PPA dan juga pada masa yang sama dapat memberikan sumbangan yang signifikan terhadap masyarakat dari sudut amar maaf nahi mungkar maka beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan. Salah satunya adalah dengan menujuhkan Unit Tindakan Khas (UTK) bagi menangani isu-isu umat Islam di Negeri Selangor dalam pelbagai aspek yang terkeluar daripada penyelesaian undang-undang yang dinamakan, malah bahagian pengurusan JAIS adalah merupakan satu-satunya bahagian penguatkuasaan agama negeri di Malaysia yang mempunyai pasukan khas (Nor Adha Abd Hamid et.al. 2014). Malah PPA dan BPP juga turut ditempatkan setiap Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) di Selangor untuk memudahkan lagi usaha pelaksanaan hisbah dilakukan dalam usaha mempertingkatkan amar maaf nahi mungkar di kalangan masyarakat.

Paradigma baru Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan adalah cuba melihat bahawa penguatkuasaan undang-undang adalah sebahagian daripada tugas-tugas pencegahan. Rentetan itu, pelbagai langkah melalui konsep pencegahan dilaksanakan dalam menjalankan tugas agar penampilan dan kehadiran Pegawai Penguatkuasaan Agama JAIS, sentiasa dirasai ditengah-tengah masyarakat, antaranya mewajibkan pakaian seragam, memasang “Strike”, “Light Bar” dan “PA sistem” di kesemua kenderaan bahagian. Bahagian penguatkuasaan JAIS juga turut mewujudkan Bilik Gerakan 24 jam (Hotline). Sistem pengoperasiannya telah ditetapkan dengan dikendalikan oleh enam (6) orang yang dilantik khas bagi mengendalikan sistem maklumat sehenti (one stop centre) diperingkat Negeri Selangor. Mereka akan berhubung melalui talian telefon khas iaitu (03 55190398, 03 55190930) dan alat perhubungan “Walkie Talkie” antara bilik gerakan dan Kumpulan Operasi atau Kumpulan Pencegahan. Kumpulan ini dianggotai oleh 24 orang anggota yang bekerja secara waktu anjal. Sehingga kini, Bahagian Penguatkuasaan JAIS menjadi penanda aras kepada negeri-negeri lain di Malaysia untuk mempertingkatkan kecekapan dan keupayaan dalam berbagai aspek (JAIS: 2017).

Tinjauan mendapati bahawa negeri Melaka dan Selangor merupakan antara negeri yang terlebih dahulu mempunyai dasar atau arahan tetap pengurusan penguatkuasaan (Siti Zubaidah Ismail 2008: 545). Seiring dengan perkembangan semasa maka MAIS dan JAIS dengan kerjasama JAKIM sentiasa berusaha keras untuk mempertingkatkan kualiti setiap PPA agar dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam masyarakat samada melalui kursus dan latihan yang berterusan untuk memberikan pengetahuan yang berguna kepada PPA terutamanya dari aspek kemahiran tugas dan mampu menggalas tugas yang diberikan. Oleh itu JAIS telah merangka objektif khusus ke arah meningkatkan lagi pencapaian PPA dan bahagian penguatkuasaan berdasarkan pelan strategik yang disusun khususnya untuk mempertingkatkan peranan PPA yang mendokong kewibawaan naungan syariat Islam terhadap permasalahan umat di negeri Selangor (Pelan Strategik JAIS 2015-2019).

#### 4.2. Pandangan Masyarakat

Masyarakat mempunyai pelbagai pandangan yang berbeza berhubung pegawai penguatkuasa agama iaitu samada bersifat positif atau sebaliknya. Ini adalah kerana di dalam sesebuah masyarakat tersebut wujud pelbagai golongan yang mempunyai pemikiran dan persepsi yang tersendiri. Walau bagaimana pun, pandangan negatif terhadap PPA sedikit sebanyak turut memberikan kesan terhadap usaha pelaksanaan hisbah di Selangor antaranya tuduhan yang dilontarkan kepada PPA seperti tidak mengikut Proseder Penyiasatan (SOP), bertindak melulu dan menceroboh ketika menjalankan penguatkuasaan (Berita Harian, 18 Disember 2015). Malah kelemahan PPA dari aspek etika ketika menguatkuasakan undang-undang syariah juga turut dijadikan isu sehingga menimbulkan sudut pandangan yang buruk kepada peranan PPA dalam masyarakat (Ibrahim Deris & Hanifah Haydar Ali Tajuddin 2015; Musa Awang 2017; Siti Zubaidah Ismail 2008). Masyarakat sering kali mempersoal tindakan penguatkuasaan syariah yang dilakukan oleh pegawai penguatkuasa agama (PPA) ini.

Segala macam tohmahan dilempar kepada PPA yang kononnya hanya ingin “menjaga tepi kain orang”. Apabila kes berjaya disabitkan dan hukuman dijatuhi, timbul pula tohmahan bahawa hukuman yang dijatuhi adalah bersifat menghina, kolot, menghalang kebebasan individu dan menjatuhkan maruah wanita khasnya bagi hukuman sebat syariah (Mahfudzah Mohamad 2017). Akan tetapi kewujudan PPA di negeri Selangor dilihat amat penting dalam usaha pelaksanaan hisbah di Selangor. Peranannya juga begitu besar bagi memastikan kesucian agama Islam dan keharmonian masyarakatnya terus terpelihara. Walau bagaimana pun setiap penguatkuasa yang dilantik perlu mematuhi tatacara atau proseder penguatkuasaan undang-undang syariah negeri sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 ketika menjalankan tugas sebagai PPA serta memantapkan lagi pengetahuan berhubung etika dan undang-undang penguatkuasaan. Di samping itu, pada masa yang sama segala gerak kerja PPA dan BPP juga turut diperkemaskan lagi melalui kerjasama dengan bahagian-bahagian lain khususnya Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) JAIS dan MAIS, Bahagian Pendakwaan, Bahagian Pengurusan Dakwah, Bahagian Pengurusan Halal dan Bahagian Pengurusan Masjid sama ada dari segi maklumat dan bantuan sokongan dalam usaha memantapkan lagi usaha hisbah yang ingin dilaksanakan bagi memenuhi seruan agama Islam dalam menjalankan tugas amar nahi mungkar di muka bumi ini.

## VI. Kesimpulan

Pelaksanaan hisbah adalah berteraskan dan bertitik tolak daripada firman Allah Taala dalam kitab suci al-Quran dan juga sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Bahkan ianya tetap diteruskan oleh generasi Islam seterusnya selepas zaman pemerintahan para Khulafa’ al-Rasyidin. Institusi hisbah ini berperanan dalam memastikan dan menjaga kemaslahatan masyarakat dari segi ekonomi, sosial dan politik. Walau bagaimana pun bidang kuasa dan pelaksanaannya amat berkait rapat dengan budi bicara pemerintah samada memperluaskan lagi fungsinya atau sebaliknya. Perkembangan sejarah hisbah dari zaman berzaman itu sendiri sedikit sebanyak telah membentuk amalan pengurusan hisbah yang berbeza di antara satu kerajaan Islam dengan kerajaan Islam yang lain, akan tetapi pada asasnya masih tetap berpegang kepada prinsip yang sama iaitu untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (amar maaruf nahi munkar). Ini adalah seperti mana yang berlaku di Negeri Selangor di mana tugas pelaksanaan hisbah itu terletak di bawah tanggungjawab MAIS dan JAIS sebagai satu badan agama yang berautoriti untuk mengurus selia hal ehwal Islam di Negeri Selangor. Oleh itu, tugas hisbah tersebut telah dipertanggungjawabkan kepada skuad Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) yang secara jelasnya berfungsi sebagai pegawai muhtasib (penguatkuasa) dalam urusan penguatkuasaan undang-undang pentadbiran agama Islam Negeri Selangor Darul Ehsan melalui penubuhan Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan (BPP) sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995. Akan tetapi peranannya hanyalah terhad kepada aspek Pengurusan Hal Ehwel Islam (PHEI) semata-mata. Walau pun begitu, fungsi dan peranan yang dimainkan oleh penguatkuasa agama melalui BPP di JAIS adalah begitu penting serta signifikan dalam usaha menyemarakkan dan meneruskan usaha hisbah di Negeri Selangor Darul Ehsan.

## Rujukan

1. Al-Quran
2. ‘Abd al-Karīm Zaidān. 2011. *Nizām al-Qaḍha’ fī al-Syarī‘ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah Nāshirūn.
3. Auni Abdullah. 2000. *Hisbah dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
4. Auni Abdullah. 2014. *Dinamika Pengurusan Islam: Pencetus Kegemilangan Tamadun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.
5. Azrin Ibrahim. 2014. *Amalan hisbah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Berita Harian, 18 Disember 2015.
7. Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor
8. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 & Pindaan 2008. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor
9. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor
10. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2007. *Ajaran Sesat: Mengenali Jalan Yang Terpesong*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
11. Faḍl Ilahī. 1999. *al-Hisbah: Ta‘ārifuhā wa Masyrū‘iyatuhā wa Wujuhbuhā*. Riyād: Muassasah al-Jarisi al-Riyād.
12. al-Ghazalī, Abī Hāmid Muhammad. 1939. *Ihya’ ‘Ulūm al-Dīn*, Juz.2. Misr: Syirkah Maktabah wa Matba‘ah al-Babi al-Halabī wa Awlādihi.
13. Ibn Bassām, Muhammad ibn Muhammad al-Muhtasib. 1968. *Nihāyah al-Rutbah fī Talab al-Hisbah*. Beirut: Dār al-Nafāis.

14. Ibn Taimiyyah, Ahmad. 1997. Majmū‘ Fatāwā Ibn Taimiyyah: al-Fiqh al-Jihād. Juz 28. Lajnah al-Da‘wah wa al-Ta‘alim.
15. Ibrahim Deris & Hanifah Haydar Ali Tajuddin. 2015. Penggunaan Garis Panduan dan Etika dalam Penambahbaikan Perjalanan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Kesalahan Syariah. Jurnal Kanun. Jil. 27. Bil. 1. Hlm 102-121. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
16. Ibrāhīm Dasuki al-Shahawī. 1962. al-Hisbah fī al-Islām. Miṣr: al-Matba‘ah al-Madanī.
17. Jabatan Agama Islam Selangor. 2017. <http://www.jais.gov.my/content/penguatkuasaan> [6 Ogos 2017].
18. Khairil Azmin Mokhtar. 2007. Federalisme dan Pembahagian Kuasa: Penggubalan Undang-Undang Islam Antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Dlm. Mahamad Arifin et. al. (pnyt.). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. hlm. 18-56. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
19. Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 1997. *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM).
20. Mahmud Saedon A. Othman. 2003. *Institusi Pentadbiran Undang-Undang & Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
21. Majlis Agama Islam Selangor. 2017. <http://www.mais.gov.my/soalan-lazim> [6 Ogos 2017].
22. Mardiana Nordin & Hasnah Hussin. 2011. *Pengajian Malaysia*. Selangor: Oxford fajar Sdn. Bhd.
23. al-Mawardī. 2006. *al-Ahkām al-Sultaniyyah*. Qāherah: Dār al-Hadīs.
24. Md. Akhir Yaacob. 1996. Pentadbiran Islam Menurut Ibn Taimiyyah. Dlm. Abd. Halim el-Muhammady (pnyt.). *Pengurusan dalam Islam*. hlm. 47-64. Bangi: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT).
25. Mohd Hidayat Abdul Rani. 2016. Perbualan Bersama Selangor FM: Penguatkuasaan Enakmen Jenayah Syariah Selangor, Slot pukul 6 petang hingga 7 petang. Shah Alam: Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan JAIS, 5 Februari 2016.
26. Mahfudzah Mohamad. 2017. <http://perpustakaanwakaf.blogspot.my/2012/07/peranan-penguatkuasaan-syariah-dalam.html>. [17 Ogos 2017].
27. Mohd Nasran Mohamad. 2010. Penyiasatan menurut hukum syarak dan aplikasi semasa. Dlm . Zaini Nasohah et.al (pnyt.). *Penguatkuasaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia*. hlm. 68-96. Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM.
28. Mohd Salleh Abas. 2010. *Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
29. Mohd. Shahir Abdullah. 2000. Penyelarasaran Pengurusan Islam Peringkat Negeri dan Kebangsaan. Dlm. Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani. (pnyt.). *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia; Konsep dan Pelaksanaan*, hlm. 85-91. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
30. Muhammad ‘Abd al-Qādir Mu'bārik. 1967. *al-Daulah wa Niẓām al-Hisbah ḥinda Ibn Taimiyyah*. Dimasyq: Dār al-Fikr.
31. Muhammad ‘Abd al-Qādir Mu'bārik. 1970. *Ara’ Ibn Taimiyyah fi Daulah wa Mada Tadakhuluhā fī Majal al-Iqtisādī*. Beirūt: Dār al-Fikr.
32. Muhammad Salām Madkūr. 1970. *al-Qada’ fī al-Islām*. Qāherah: al-Matba‘ah al-‘Alamiyyah.
33. Muhammad Yusuf Khalid. 1998. *Hisbah dan perannya dalam pengurusan pembangunan Islam*. Dlm. Abdul Ghafar Hj. Don & Shamsul Bahri Andi Galigo (pnyt.). Dakwah menjana masyarakat madani. hlm. 110-117. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM.
34. Muhammad Yusuf, Muṣṭafa Ahmad & Muhammad Rajab. 1988. *Dirāsat fi al-Niẓām wa al-Tsaqafah al-Islāmiyyah*. Miṣr: Dār al-Miṣrah li al-Tabā‘ah wa al-Nashr. al-Hādīthah.
35. Musa Awang. 2017. <http://peguamsyariemalaysia.blogspot.my/2014/07/penguatkuasa-agama-bawa-imej-islam.html>. [17 Ogos 2017].
36. al-Mu‘jam al-‘Arabi al-Asātī. 2003. t.t.p: al-Munażamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Tsaqafah wa al-‘Ulūm.
37. al-Mu‘jam al-Wasīt. 1972. Qāherah: t.pt.
38. al-Muslim, Abi al-Husain Muslim. 2006. Sahīh Muslim. Riyād: Dār Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzīt.
39. Nor Adha Abd Hamid et.al. 2014. Kajian Persepsi Masyarakat Terhadap Majlis Agama Islam Selangor. Bangi: Kolej Universiti Islam Selangor.
40. ‘Omar Hāfiẓ Syarīf. 1995. *Niẓām al-Hukm wa al-Idārah fī al-Daulah al-Islāmiyyah*. Qāherah: Dār al-Syabab li al-Tabā‘ah.
41. Pelan Strategik JAIS 2015-2019. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor.
42. Perlembagaan Persekutuan Malaysia 2010.
43. al-Qurtubī, Abī ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Anṣārī. 1967. *Tafsir al-Qurtubī: al-Jāmi‘ li Ahkām al-Quran*. Qāherah: Dār al-Kutub al-‘Arabi li al-Tabā‘at wa al-Nashr.
44. Ramaḍān ‘Ali. 2003. *al-Naẓāriyat al-‘Āmmah fī al-Fiqh al-Islāmī*: Naẓāriyat al-‘Aqd, al-Milk, al-Haq, al-‘Uqūbah, al-Hisbah. Miṣr: Dār al-Jāmi‘ah al-Jadīdah li al-Nashr.
45. Ruzian Markom. 2003. *Apa itu Undang-Undang Islam?*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
46. Suhaimi Said. 1984. *Orang Melayu disisi Perlembagaan*. Pahang: Penerbitan Ujud.
47. al-Syairāzī Abd al-Rahman Nasr. 1981. *Nihāyah al-Rutbah fī Talab al-Hisbah*. Beirūt: Dār al-Tsaqafah.
48. Siti Zubaidah Ismail. 2008. Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysia Satu Analisis. Jurnal Syariah. Jil. 16. Keluaran Khas 537-554.
49. Syauqi Abu Khalil. 2010. al-Hadārah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah. Beirūt: Dār al-Fikr al-Mu‘aṣir.
50. Wu Min Aun. 1982. *Pengenalan kepada Sistem Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
51. Zaini Nasohah. 2010. Pendakwaan Kes-Kes Kesalahan Jenayah Syariah di Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Dlm. Zaini Nasohah et.al. (pnyt.). *Pendakwaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia*. hlm. 20-34. Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).